

02/07/2002

Komponen BN bebas tentu peralihan pemimpin

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Mana-mana parti komponen Barisan Nasional (BN) bebas sama ada mahu mengikut jejak Umno yang merangka strategi peralihan kepemimpinannya dengan teratur dan licin, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh memberi pendapat peribadi mengenai perkara itu kerana ia bergantung kepada kemahuan parti komponen sendiri untuk menentukan peralihan kepimpinan parti masing-masing.

"Itu semuanya terpulang kepada mereka untuk menentukan bila mereka (pemimpin) hendak pergi (bersara) atau bila mereka mahu menyerahkan (kepimpinan parti) kepada generasi atau pemimpin lain.

"Ia adalah sesuatu yang kita tak boleh paksa ke atas mereka. Tetapi saya berharap mereka memahami bahawa peralihan kuasa yang licin penting untuk menjamin kejayaan berterusan sesebuah parti atau parti yang mereka ketuai," katanya selepas memberi ucapan pada Persidangan E-Kerajaan Malaysia 2002 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada proses peralihan kepimpinan dalam Umno yang dilihat amat teratur, patut dicontohi parti komponen BN lain bagi menjamin kestabilan politik.

Jumaat lalu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek menyuarakan kesediaannya melepaskan semua jawatan dalam parti dengan syarat pucuk pimpinan parti merangka pelan pengganti yang menyeluruh.

Lim berkata, beliau bersedia mengikut jejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi laluan kepada pemimpin muda memegang tampuk pimpinan parti.

Untuk itu, katanya, parti komponen BN harus mencontohi pelan peralihan kuasa yang dicadangkan Dr Mahathir untuk Umno dan kerajaan bagi memastikan proses peralihan kuasa berjalan lancar.

Mengenai Pelan Damai Perdana Menteri untuk MCA yang kini seolah-olah tidak berjalan lancar, Abdullah berkata pelan itu boleh dijayakan jika kedua-dua pihak dalam MCA bekerja keras.

"Jika mereka bekerja kuat, patuh kepada Pelan Damai yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, saya rasa ia seharusnya berjalan baik untuk MCA," katanya.

Pelan damai itu bertujuan menyelesaikan pertikaian dalaman MCA yang terbahagi kepada dua dengan satu kumpulan diketuai Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik manakala satu lagi diketuai Lim.

Sementara itu, Abdullah berharap mesyuarat peringkat menteri antara Malaysia dan Singapura yang bermula hari ini berjaya menyelesaikan beberapa isu tertangguh antara kedua-dua negara.

Mesyuarat dua hari di Wisma Putra, Putrajaya itu akan mencari penyelesaian bagi satu pakej isu-isu tertangguh selaras dengan persefahaman yang dicapai antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong ketika Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada Disember 1998.

Isu-isu itu membabitkan bekalan air ke Singapura, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad di republik itu, penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia di negara itu, pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.